UJIAN PENGESANAN BAHASA MELAYU
PDPR 2021

BAHAGIAN A
[20 *markah*]

Soalan 1 hingga 20
Pilih jawapan yang **paling sesuai.**

1 Arman dan Zain Hakimi belajar di _____ yang sama sejak dari tahun satu hingga kini.

A dewan
B tadika
C sekolah
D kantin

2 Khazanah purba negara banyak tersimpan di _____ .

A Masjid Negara
B Zoo Negara
C Perpustakaan
D Muzium Negara

3 Iqmal dan rakan-rakannya bermain bola sepak. _____ bermain di padang permainan.

A Mereka
B Beliau
C Dia
D Kami

4 Selvi ialah anak angkat Encik Murugiah. Ibu bapa_____meninggal dunia setahun yang lalu.

A beliau
B nya
C kita
D saya

5 Dagu atuk luka terkena pisau semasa dia_____janggutnya.

A mencabut
B mencukur
C memotong
D menggunting

6 Mak Cik Zakiah asyik_____tikar mengkuang di bawah pokok di tepi pondoknya.

A menenun
B menganyam
C menyirat
D menyulam

7 Lampin adik berbau_____kerana dia telah kencing.

A hapak
B hanyir
C kering
D haring

LIVEWORKSHEETS

8 Banyak manfaat yang kita peroleh_____ceramah itu.

A dari
B daripada
C antara
D akan

9 Najwa suka menjahit_____kakaknya suka mengumpul Majalah Saji.

A dan
B tetapi
C manakala
D kecuali

10 _____ anak Puan Salmah bertugas sebagai doktor pakar di Hospital Sultan Ismail.

A Kedua
B Kedua-dua
C Dua
D Sesetengah

11 Hang Tuah telah diutuskan oleh Sultan Mahmud Shah untuk_____Puteri Gunung Ledang.

A menimang
B meminang
C peminangan
D dipinang

12 Ayah_____adik sebuah basikal kerana berjaya khatam Al Quran.

A menghadiahkan
B menghadiahi
C dihadiahkan
D dihadiahi

13 Gadis itu_____ke pejabat kerana sudah lewat.

A terkial-kial
B terkinja-kinja
C tercungap-cungap
D terkocoh-kocoh

14



_____itu sesak dengan kenderaan yang menuju ke pasar raya di Tebrau.

A Jejambat
B Jejantas
C Kekuda
D Kekisi

LIVEWORKSHEETS

15 Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

A "Wah, besarnya Stadium Negara," kata Rina.
B "Wah! Besarnya Stadium Negara," kata Rina.
C "Wah. Besarnya Stadium Negara," kata Rina.
D "Wah, besarnya Stadium Negara!" kata Rina.

16 Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

A Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat setia dan cinta akan negara.
B Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat, setia, dan cinta akan negara!
C Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat, setia dan cinta akan negara?
D Sebagai rakyat Malaysia, kita harus mempunyai sikap taat, setia dan cinta akan negara.

16 Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.

A Nah! Terimalah balasan jika berbuat jahat!
B Cis, besarnya kayu yang disepak engkau?
C Aduhai, malang sampai begini nasibku!
D Wah, malang sungguh nasib engkau.

18 "Awak berasal dari_____?" tanya Umaira kepada jiran barunya.

A siapa
B mana
C bila
D berapa

19 Kedai hiasan dalaman di seberang jalan_____dihias sangat cantik.

A itu
B ini
C begitu
D begini

20 Entah_____lagi kami sekeluarga akan dapat pulang ke kampung.

A mana-mana
B bila-bila
C siapa-siapa
D apa-apa

LIVEWORKSHEETS

(PEMAHAMAN BAHAGIAN B)

Soalan 21

(a) Tulis **BETUL** *atau* **SALAH** *pada ruang yang disediakan bagi penggunaan* ***kata ganti diri*** *yang bergaris dalam ayat di bawah.*

(i) Ketua Menteri telah sembuh selepas____beliau diberi rawatan di hospital. [ ]

(ii) "Ayah, izinkan kita menyertai aktiviti perkhemahan di sekolah pada hujung minggu ini," kata Aina kepada ayahnya. [ ]

(iii) Jahitan Siti masih tidak kemas kerana dia baru seminggu belajar menjahit baju. [ ]

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

sebahagian	sedikit	setengah
banyak	semua	Satu pertiga
Seluruh	separuh	beberapa

Pada minggu yang lalu, Fatihah telah mengadakan majlis hari lahirnya yang ke-12. Najwa telah menjemput_____rakan sekelasnya untuk turut sama meraikannya. Namun, hanya_____sahaja yang dapat hadir. _____daripada rakan sekelas Najwa tidak dapat hadir kerana tinggal jauh dari rumah Najwa.

Oleh itu,_____makanan yang tidak dapat dihabiskan. Ibu Najwa telah meminta kawan-kawan Najwa membawa balik makanan yang tinggal. Kawan-kawan Najwa membahagikan makanan itu sama rata. Mereka meninggalkan_____untuk Najwa dan keluarganya.

LIVEWORKSHEETS

Soalan 23

Pilih ***penjodoh bilangan*** *yang paling sesuai bagi ayat di bawah.*

(i) Suzana mempunyai se_____abang yang tinggal di Kuala Lumpur. (kawan / orang)

(ii) Mak Limah membawa se_____payung kerana cuaca kelihatan mendung.(kaki / laras)

(iii) Johan hanya memakan beberapa_____mangga kerana buah itu amat masam.(hiris/biji)

Soalan 24

Tandakan (/) pada ayat yang betul dan (x) pada ayat yang salah.

(i) Suzana membaca majalah akademik kerana rakannya membaca majalah hiburan. ( )

(ii) Pasukan pengakap berasa gembira sambil dapat berkhemah di hutan lipur. ( )

(iii) "Cis, pergi engkau dari sini!, kata pendekar itu." ( )

(iv) Para tetamu yang datang ke rumah kita harus diterima dengan tangan terbuka. ( )

LIVEWORKSHEETS

BAHAGIAN C (RINGKASAN)

RINGKASAN

Baca teks di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang usaha-usaha memartabatkan karya sastera.

Karya sastera merupakan hasil seni dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri- ciri keistimewaan tertentu. Namun begitu, karya sastera semakin jauh ketinggalan contohnya novel akibat ledakan teknologi maklumat tanpa batasannya. Oleh itu, kita perlu bertindak untuk memartabatkan karya sastera sebaris dengan karya sastera antarabangsa.

Peranan ibu bapa dalam memartabatkan karya sastera kepada anak-anak amat penting kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Pelbagai cara boleh dilakukan seperti membaca bahan sastera sebelum tidur. membeli karya sastera kepada anak-anak atau memberikannya sebagai hadiah. Kesannya, minat anak-anak terhadap karya sastera dapat dipupuk dan disemai dalam sanubari mereka.

Karya sastera khasnya sastera tradisional perlu mendapatkan sokongan daripada pihak media massa untuk diangkat sebagai sebuah karya yang berpengaruh dalam kalangan pembaca. Pihak media massa harus sentiasa membuat pengiklanan yang menarik kepada masyarakat. Mereka hendaklah mendedahkan keunikan dan keindahan sastera tradisional seperti gurindam, syair dan seloka kepada umum. Dengan cara ini, masyarakat terutamanya golongan muda akan tertarik untuk membacanya.

Pihak kerajaan juga boleh memainkan peranan dengan mengadakan pameran karya sastera atau kempen di seluruh negara. Dengan cara ini, karya sastera mampu dipertahankan terutamanya sastera tradisional agar tidak dilupakan oleh generasi kini.

Seterusnya, peranan pihak sekolah dalam memikul tanggungjawab untuk mempertahankan dan memartabatkan karya sastera. Hal ini demikian kerana tenaga pengajar ini amat berpengaruh kepada golongan pelajar dan boleh mendorong mereka mempelajari sastera tanpa dipaksa. Guru-guru boleh menggunakan pelbagai teknik dan kaedah pengajaran untuk menarik minat para pelajar agar mereka dapat menghayati karya sastera yang dipelajari. Selain itu, para pelajar juga harus memainkan peranan dalam memartabatkan karya sastera. Mereka boleh melibatkan diri dalam setiap program anjuran sekolah seperti Minggu Bahasa Melayu dan Kesusasteraan, mengambil bahagian dalam pertandingan berunsurkan sastera dan sebagainya. Dengan ini, mereka bukan sahaja dapat memupuk minat dalam bidang tersebut malahan dapat mencuba sesuatu yang baharu.

Setiap pihak bertanggungjawab mempertahankan dan memartabatkan karya sastera agar menjadi warisan

Jawapan:

Antara usaha memartabatkan karya sastera ialah_____.

Seterusnya,____. Kemudian,_____.

Selepas itu,____. Akhirnya,_____.

LIVEWORKSHEETS